

**REPOSITORY OF INNOVATIVE PRODUCTS (RIP)  
FOR INSPIRATION IN EDUCATION DESIGN  
[CATEGORY: SECONDARY SCHOOL\*]**

**“THE PATUK TECHNIQUE”**

**EMIE EZURIEEN BINTI CHE MATZIN ,MAZLAN BIN YAAKOB**

**PM DR AMIRMUDIN BIN UDIN**

**DR NORHASNIZA BT IBRAHIM**

Faculty of Social Sciences and Humanities  
Universiti Teknologi Malaysia

**Highlights:** Dalam pengajaran dan pembelajaran Seni Visual STPM semester 2. Pelajar perlu mahir dalam dua format yang dikehendaki pihak MPM iaitu seting dan gubahan. Pelajar dikehendaki membuat satu lukisan berdasarkan format 1 (setting) atau format 2 (gubahan). Ujian akan dibuat berdasarkan salah satu daripada format tersebut. Semester ini pelajar perlu mengetahui pelbagai aspek dalam penghasilan lukisan. Terdapat pelbagai jenis lukisan yang berkaitan dengan pengkaryaan dan perekaan. Berdasarkan kemahiran asas lukisan,pelajar perlu membuat eksplorasi media dan teknik yang berupaya mengubah lukisan berdasarkan teknik-teknik tersebut. Oleh yang demikian, modul yang tercipta ini dapat mengatasi masalah pelajar yang kurang mahir melukis dan secara tidak langsung ia dapat meningkatkan keyakinan pelajar untuk terus berusaha dan melahirkan karya yang bermutu dan menepati kehendak soalan.

**Key words:** Modul;Seni Visual;PATUK;STPM;Penggal 2

**Product Description**

Modul ini bertujuan untuk memberikan pendidikan yang dapat mengekspresikan idea secara kreatif dan inovatif. Pelajar juga dapat mengaplikasikan pendekatan penyelidikan dan penyelesaian masalah dalam proses penghasilan karya. Modul ini juga melatih pelajar dengan mengemukakan idea baharu dalam penghasilan karya dan perekaan. Selain itu, modul ini boleh dijadikan sebagai rujukan untuk menyelesaikan permasalahan visual berdasarkan kefahaman aspek formal seni visual disamping pelajar belajar cara mendokumentasi proses penghasilan karya secara penulisan dan visual yang sesuai dengan kosep dan konteks.

Modul ini adalah salah satu inovasi bantu mengajar untuk semester dua dimana pelajar perlu menghasilkan lukisan dalam pengkaryaan dan perekaan. Lukisan merupakan kerja praktikal yang dapat memberi kemahiran asas dalam dalam penghasilan karya. Pengkajian lukisan didalam semester ini terteumpu kepada kajian seting dan gubahan yang boleh digunakan dalam pengkaryaan dan perekaan. Modul ini dapat memudahkan tugas guru semasa mengajar dan dapat menggalakkan murid untuk membuat pembelajaran kendiri dirumah atau semasa ketiadaan guru. Modul ini juga mengikut sukanan pelajaran yang telah ditetapkan oleh majlis peperiksaan malaysia seperti berikut.



Figure 1: the PATUK technique

#### Product Benefit

#### Copyright